

## Perapatan Hubungan Guru dan Murid Serta Pengaruhnya terhadap Tingkah Laku Moral

*Teacher-Student Attachment, and its' Influence towards Moral Behavior*

**Syahruan Azan Ngadmid<sup>1</sup>, Nur Surayyah Madhubala Abdullah<sup>2</sup> & Asmawati Suhid<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan  
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan,  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia  
e-mel: syahruan@fsk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

*Guru memainkan peranan penting dalam perkembangan pelajar di sekolah. Kebanyakan kajian berkaitan dengan perapatan antara guru dan murid mengkaji kesan peranan dan sikap guru terhadap perkembangan akademik dan sosial murid di sekolah. Secara umum, guru yang menyokong pembelajaran murid memberi kesan yang positif terhadap perkembangan sosial dan akademik murid. Kajian ini secara khusus melihat kesan sikap dan tindakan guru terhadap tingkah laku moral murid. Data dianalisis menggunakan korelasi Spearman non parametrik dan statistik deskriptif. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat sikap dan tindakan guru yang mempengaruhi tingkah laku moral murid. Dua karakter guru yang paling mempengaruhi tingkah laku moral murid adalah mesra dan peka terhadap keperluan murid. Kajian ini mencadangkan bahawa peranan guru bukan hanya sekadar terhadap pencapaian murid tetapi juga bagi membentuk tingkah laku moral.*

**Kata kunci** perapatan antara guru dengan murid, sikap, tingkah laku moral

### **Abstract**

*Teachers play an important role in development of students throughout the formal schooling experience. Most research regarding teacher-student attachment investigates the impact of teachers' role and attitudes towards students' academic and social development at all levels of schooling. In general, teachers who support students in the learning environment can positively impact their social and academic outcomes. This study examines the impact of teachers' attitudes and action towards students' moral behavior. The data were analyzed by using non-parametric Spearman correlation and descriptive statistic. In general, the findings showed there are four elements of attitudes and action in teacher student relationship that have impact on students' moral behavior. Two elements of teacher's attitudes that impact most on students' moral behavior are warmth and attending student needs. This study suggests that teacher's role not only to ensure student achievement but also to build moral behavior.*

**Keywords** teacher-student attachment- attitudes- Moral behavior

### **Pengenalan**

Sistem persekolahan di Malaysia adalah bermatlamatkan untuk melahirkan murid yang dapat menjadi insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Usaha ini dilaksanakan bagi melahirkan warganegara yang bukan sahaja mempunyai kekuatan dari segi ilmu pengetahuan, malahan turut mempunyai kekuatan sebagai individu yang berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan mencapai kesejahteraan diri serta dapat memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan

negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut individu yang berakhlak mulia dengan mempunyai ciri-ciri positif dapat dibentuk melalui institusi sekolah selain daripada institusi keluarga itu sendiri. Maka, konsep seperti struktur formal dan struktur tidak formal yang diutarakan oleh Sugarman (1973) dilihat sebagai salah satu konsep yang menepati aspirasi pendidikan negara.

Penekanan terhadap akhlak mulia dalam FPK dapat dikaitkan dengan pembentukan tingkah laku murid yang positif sejak di bangku sekolah lagi. Tingkah laku menurut Charles (2008) merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh individu, sama ada tindakan yang dilakukan itu adalah betul atau salah, baik atau jahat, bermanfaat atau tidak bermanfaat, produktif atau membazir terhadap individu. Elemen-elemen yang terdapat dalam definisi oleh Charles (2008) dapat dikaitkan pula dengan pembentukan tingkah laku moral murid oleh para sarjana dalam bidang Pendidikan Moral. Hal ini kerana tingkah laku moral lebih merujuk kepada individu mematuhi norma dan nilai-nilai masyarakat dan juga menunjukkan tingkah laku yang pro sosial (Rajendran & Ee Ah Meng, 1994).

Ini dilihat amat penting kerana jika ingin melahirkan individu yang bertingkah laku moral guru perlu memainkan peranan yang penting terhadap murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan juga ketika keadaan guru di luar bilik darjah. Perapatan antara guru dengan murid yang diukur melalui bentuk hubungan adalah dilihat mampu untuk merangsang tingkah laku moral murid ke arah yang lebih berbentuk pro sosial dan positif.

## **Sorotan Kajian Lepas**

Masalah salah laku murid merupakan masalah yang menjadi kebimbangan dan telah mendapat tumpuan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah, ibu bapa dan juga masyarakat. Salah laku murid boleh wujud dalam pelbagai bentuk kesalahan sama ada jenis kesalahan yang ringan, sederhana, atau pun yang berat. Salah laku murid ini mempunyai kaitan rapat dengan tingkah laku murid. Hal ini kerana tingkah laku adalah merupakan tindakan yang dilakukan membawa kepada dua bentuk kesan iaitu sama ada yang berbentuk positif mahu pun yang negatif (Abdul Ghani Abdullah & Abd Rahman Abd Aziz, 2009). Bhasah Abu Bakar & Akma Abd. Hamid (2004) pula telah melihat konsep tingkah laku dari konteks disiplin dan pematuhan terhadap peraturan sekolah. Pada dasarnya bermakna murid yang bertingkah laku baik adalah murid yang mematuhi peraturan sekolah dan berdisiplin. Walaupun salah laku disiplin dan masalah tingkah laku sering menjadi tumpuan umum, elemen-elemen yang terdapat dalam salah laku disiplin dan masalah tingkah laku mempunyai perkaitan dengan tingkah laku moral kerana melibatkan bentuk tindakan yang dilakukan oleh murid sama ada bermoral atau tidak bermoral.

Jika dilihat daripada ciri tingkah laku moral pula, tingkah laku moral boleh dikenal pasti berdasarkan kepada empat komponen iaitu sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral, dan perwatakan moral (Rest, 1986). Sensitiviti moral dicirikan dengan melihat bagaimana individu dapat mentafsir suatu situasi sebagai satu masalah moral yang melibatkan kebajikan orang lain dan dapat mengenal pasti tindakan alternatif yang bersesuaian apabila menghadapi sesuatu situasi. Komponen kedua pula ialah pertimbangan moral yang menggambarkan seseorang individu berupaya untuk membuat pertimbangan mengenai tindakannya adalah betul dari segi moral dan melabelkan suatu tindakan yang bersesuaian tersebut sebagai apa yang mesti dilakukan oleh seseorang individu. Komponen ketiga bagi tingkah laku moral berlaku apabila individu memberikan keutamaan kepada nilai-nilai moral berbanding dengan nilai-nilai peribadi yang lain apabila membuat sesuatu keputusan yang diinginkan dan ketika mengambil tindakan yang dianggap bermoral. Komponen terakhir adalah perwatakan moral yang melihat individu memiliki perwatakan moral yang mempunyai ketabahan yang mencukupi dan kemahiran pelaksanaan yang akhirnya akan menyebabkan individu tersebut bertingkah laku moral.

Tingkah laku moral juga boleh dikaitkan dengan tingkah laku prososial dan tingkah laku tidak bermoral pula dikaitkan dengan tingkah laku antisosial. Tingkah laku prososial adalah sebarang bentuk tingkah laku yang bertujuan untuk memberikan kesenangan kepada orang lain, tidak memberikan sebarang keuntungan kepada orang yang menolong, dan bagi sesetengah kes boleh mendatangkan kemudaratan dan bahaya kepada si penolong (Rozmi Ismail, 2011). Tingkah laku pososial juga boleh

dilihat dalam tingkah laku altruisme kerana tingkah laku altruisme ini merupakan sebahagian daripada ciri-ciri tingkah laku prososial. Tingkah laku prososial ini bolehlah dikategorikan sebagai sebahagian daripada tingkah laku moral. Dalam konteks Pendidikan Moral di sekolah, tingkah laku moral adalah tingkah laku yang berbentuk positif dan tidak melanggar peraturan sekolah (norma-norma dan nilai). Murid yang menunjukkan tingkah laku moral adalah murid yang tidak mempunyai kecenderungan untuk melakukan salah laku disiplin.

Kajian tingkah laku moral di Malaysia tidak banyak yang ditekankan di sekolah. Namun demikian, kajian berkaitan dengan salah laku menjadi tumpuan seperti dalam kajian Landrum, Scott, & Lingo (2011) yang mengaitkan salah laku dengan pelanggaran peraturan di sekolah. Bentuk-bentuk salah laku berdasarkan kepada kajian lepas juga secara tidak langsung mempunyai perkaitan dengan tingkah laku moral kerana setiap jenis dan bentuk salah laku menunjukkan elemen perbuatan dan sikap yang ditunjukkan oleh murid bertentangan dengan norma dan peraturan sekolah (Charles, 2008). Norma dan peraturan sekolah boleh melibatkan konteks dalam bilik darjah dan juga di luar bilik darjah. Setiap perbuatan dan tingkah laku yang dilakukan oleh murid akan memberikan kesan kepada sikap dan tingkah laku guru terhadap murid dari sudut layanan timbal balas oleh guru terhadap murid (Meacham & Wiesen, 1974; Berns, 2013). Oleh itu, sikap dan tindakan guru mempunyai perkaitan rapat dengan murid dan bukan sahaja guru menjalankan peranannya sebagai pendidik, tetapi turut berperanan dalam membentuk tingkah laku murid melalui pendekatan-pendekatan yang bersesuaian dengan konteks bilik darjah.

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh guru dalam membentuk tingkah laku moral murid adalah melalui bentuk perapatan yang diamalkan oleh guru. Perapatan guru dan murid merupakan elemen yang penting dalam membentuk hubungan yang positif antara guru dengan murid. Aspek perapatan telah mendapat perhatian daripada penyelidik yang mengkaji hubungan antara guru dengan murid. Berdasarkan kepada teori Sugarman (1973), perapatan antara guru dengan murid boleh dilihat dalam bentuk hubungan yang dijalinan oleh guru dengan murid. Aspek perapatan juga sering dikaitkan sebagai salah satu aspek dalam iklim sesebuah sekolah apabila hubungan antara guru dan murid dititikberatkan dalam mempengaruhi pemboleh ubah lain seperti kecemerlangan dalam pencapaian akademik dan juga tingkah laku murid di sekolah.

Menurut Sugarman (1973), perapatan yang dilihat kepada bentuk hubungan boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu hubungan luas dan hubungan sempit. Hubungan luas wujud apabila guru cuba untuk mengenali murid dengan lebih rapat sebagai individu. Guru cuba untuk mengetahui mengenai minat, latar belakang murid, cita-cita, hubungannya dengan rakan sebaya yang lain serta guru, dan juga pencapaian akademik serta tingkah laku murid ketika berada di sekolah. Manakala hubungan sempit pula wujud apabila interaksi yang berlaku hanya mengenai kerja atau tugas yang diberikan, dan hubungan ini tidak melibatkan sama sekali aspek personaliti guru dan pelajar. Berbeza dengan kajian-kajian lepas seperti dalam kajian Huan, (2012) yang melihat secara jelasnya hubungan antara guru dengan murid dalam bentuk yang positif dan negatif, tetapi hubungan luas dan sempit tidak menunjukkan bentuk hubungan yang negatif semata-mata atau sebaliknya. Perkara yang ingin difokuskan adalah bentuk perapatan yang wujud antara guru dengan murid ketika proses PdP berjalan.

Dalam aspek perapatan guru dengan murid, jelas menampakkan bahawa guru adalah individu yang memainkan peranan penting bukan sahaja terhadap tanggungjawab pencapaian akademik murid, malahan guru turut bertanggungjawab terhadap aspek tingkah laku dan sahsiah murid. Penekanan terhadap pencapaian akademik semata-mata menunjukkan bahawa tanggungjawab guru tidak dijalankan sepenuhnya. Bagi memastikan murid bertingkah laku moral, guru tidak seharusnya memandang ianya hanya boleh dilakukan melalui kelas secara formal semata-mata. Menurut Sugarman (1973), tidak semua objektif dalam sesebuah mata pelajaran dapat dicapai ketika proses PdP berjalan. Oleh itu, Sugarman (1973) berpendapat bahawa tingkah laku moral ini dapat dicapai dan dibentuk melalui kurikulum tersembunyi. Kurikulum tersembunyi atau tidak formal ini tidak hanya berlaku di luar bilik darjah sahaja, tetapi boleh juga berlaku dalam bilik darjah ketika PdP sedang berjalan.

Maka aspek perapatan antara guru dan murid turut dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk tingkah laku murid selain daripada menerapkan nilai-nilai moral secara formal. Perapatan guru dan murid telah menjadi fokus kajian baik di negara barat mahupun di Malaysia. Terdapat

beberapa aspek yang menjadi kunci utama tumpuan penyelidikan. Hallinan (2008) dalam kajiannya mengaitkan perapatan dengan aspek pencapaian akademik, kurangnya murid terlibat dalam masalah disiplin. Aspek perapatan yang dilihat lebih tertumpu kepada sejauh mana murid suka untuk hadir ke sekolah. Peranan guru ditekankan supaya dapat memupuk semangat untuk datang ke sekolah sekali gus akan memberikan kesan kepada pencapaian akademik murid.

Perapatan guru dan murid juga dikaitkan dengan interaksi antara guru dengan murid. interaksi yang berkesan boleh berbeza di antara murid lelaki dan perempuan. Pemboleh ubah interaksi murid ini boleh berdiri sebagai satu pemboleh ubah yang mengaitkan dengan pemboleh ubah lain dan juga boleh terangkum dalam satu pemboleh ubah yang besar. Kajian Huebner & Betts (2002) meletakkan interaksi guru dengan murid dalam perapatan murid dengan sekolah. Dapatan kajian mendapati bahawa semakin tinggi perapatan murid terhadap sekolah, semakin rendah murid cenderung untuk terlibat dalam salah laku. Iklim sekolah ditekankan dalam aspek perapatan murid terhadap sekolah dengan mengambil kira peranan guru sebagai salah satu faktor penyumbang.

### **Pernyataan Masalah**

Salah laku merupakan masalah yang sentiasa berlaku di sekolah dan merupakan sebahagian daripada masalah disiplin yang wujud di sekolah. Di antaranya seperti mencuri, merosakkan harta benda sekolah, dan pergaduhan. Salah laku sebegini telah menimbulkan kebimbangan dan dipandang serius oleh pihak sekolah. Kewujudan salah laku dalam kes disiplin menunjukkan bahawa terdapat masalah tingkah laku moral dalam kalangan murid sekolah. Masalah tingkah laku yang tidak bermoral seperti tidak adil, tidak mengambil kira hak orang lain, dan tidak mengambil kira kebajikan diri sendiri serta orang lain melalui tindakan seperti merokok, mencuri, dan bergaduh berada dalam peratusan yang membimbangkan. Masalah ini dilihat berlaku secara berterusan setiap tahun dan persoalan timbul mengapa masalah ini masih berterusan serta bagaimana pihak sekolah boleh menangani masalah tersebut dengan lebih berkesan seterusnya memperbaiki tingkah laku moral murid. Salah satu faktor penyebab masalah tingkah laku moral boleh dilihat daripada bentuk persekitaran sekolah khususnya iklim moral (Sugarman, 1973; Alimuddin Haji Mohd Dom, 2006).

Jika dilihat daripada sorotan teori berhubung dengan tingkah laku remaja khususnya murid sekolah mengaitkannya dengan kepentingan hubungan antara guru dengan murid. Jenis hubungan guru dengan murid yang sesuai dapat mengekang murid daripada melakukan salah laku di sekolah. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa masalah tingkah laku moral di sekolah ada hubungan dengan pelbagai aspek di sekolah khususnya yang berkaitan dengan hubungan guru dengan murid. Walaupun terdapat aspek hubungan guru dengan murid difokuskan dalam kajian lepas sebagai salah satu pemboleh ubah kajian, namun kurang kajian mengaitkannya kepada pembentukan tingkah laku moral murid terutamanya ketika guru sedang mengajar. Oleh itu terdapat jurang pengetahuan dari sudut teori Pendidikan Moral dan pengaruh persekitaran terhadap tingkah laku moral dengan pengaruh perapatan antara guru dengan murid dan juga dalam praktis Pendidikan Moral tentang peranan guru dalam memastikan murid tidak cenderung untuk bertingkah laku negatif.

### **Objektif Kajian**

Matlamat am kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara perapatan guru dan murid dengan tingkah laku moral. Manakala objektif khusus adalah bagi:

1. Mengenal pasti jenis perapatan antara guru dengan murid dalam kelas Pendidikan Moral.
2. Menentukan sama ada perapatan guru dengan murid dalam kelas Pendidikan Moral mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid.
3. Menentukan aspek sikap dan tindakan guru yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid.

## Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian ini:

1. Apakah jenis perapatan guru dengan murid yang wujud dalam bilik darjah?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara perapatan guru dengan tingkah laku moral murid dalam bilik darjah?
3. Apakah aspek sikap dan tindakan guru yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid?

## Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif deskriptif korelasi dan sebuah sekolah menengah kebangsaan (SMK) telah dipilih secara rawak di sebuah daerah di negeri Melaka. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral. Jumlah populasi murid Pendidikan Moral tingkatan lima adalah seramai 86 orang dan sejumlah 71 orang responden telah dipilih berdasarkan kepada pengiraan sampel menggunakan rumus slovin (Israel, 2013) dan juga dengan merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Krecjie & Morgan (Sidek Mohd Noah, 2002).

Borang soal selidik telah dibangunkan bagi melihat hubungan antara perapatan guru dan murid dengan tingkah laku moral. Borang soal selidik ini mencakupi dua bahagian utama iaitu sikap dan tindakan guru terhadap murid, dan tingkah laku moral murid yang juga diukur berdasarkan kepada sikap dan tingkah laku murid terhadap orang lain. Setiap bahagian ini pula dibahagikan kepada empat konstruk yang berbeza bagi mengukur perapatan guru dengan murid. Elemen perapatan ini diukur berdasarkan kepada sikap dan tindakan guru yang peduli, guru yang adil, guru yang peka akan keperluan murid, dan guru yang mesra. Manakala bahagian kedua pula juga mengandungi empat konstruk yang mengukur tingkah laku murid berdasarkan kepada kesan sikap dan tindakan guru terhadap murid. Konstruk yang mengukur tingkah laku murid berdasarkan kepada kesan sikap dan tindakan guru adalah murid yang peduli terhadap orang lain, murid yang berlaku adil, murid yang peka terhadap keperluan orang lain, dan murid yang bersikap mesra.

Data dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistic* versi 21. Analisis deskriptif bagi mendapatkan frekuensi, min, dan sisihan piawai diperolehi daripada borang soal selidik bagi melihat kecenderungan jenis hubungan yang wujud dalam kelas Pendidikan Moral dan juga data dianalisis dengan menggunakan statistik non-parametrik iaitu korelasi Spearman bagi melihat hubungan antara perapatan guru dengan tingkah laku moral murid dalam bilik darjah Pendidikan Moral.

## Dapatan Kajian

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen dalam kajian ini dibina berdasarkan kepada empat konstruk daripada teori yang diguna pakai dalam kajian ini serta berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Bagi memastikan item dalam soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi, item ini telah melalui semakan oleh pakar dan setelah itu melalui ujian alpha Cronbach. Berdasarkan kepada Jadual 1, nilai alpha Cronbach bagi kedua-dua konstruk melebihi 0.7 yang menunjukkan kebolehpercayaan bagi kedua-dua konstruk ini mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima.

**Jadual 1** Kebolehpercayaan koefisien instrumen kajian

Konstruk	Jum. Item	Cronbach Alpha
Perapatan guru dengan murid	17	0.800
Perapatan murid dengan guru	17	0.737



## Analisis Statistik Deskriptif Bentuk Hubungan yang Wujud dalam Kelas Pendidikan Moral

Bagi melihat bentuk perapatan yang wujud dalam bilik darjah antara guru dengan murid, maka kajian ini melihat kepada hubungan yang dijalinkan oleh guru dengan murid sama ada berbentuk luas atau pun sempit.

**Jadual 2** Taburan kekerapan hubungan luas dan sempit antara guru dengan murid

Kategori	Kekerapan	Peratus	Min	SP	Kategori
Guru yang peduli	44	61.9	3.29	.300	Luas
Guru yang adil	43	60.6	3.34	.336	Luas
Guru yang peka akan keperluan murid	45	63.4	3.24	.289	Luas
Guru yang mesra	51	71.8	3.28	.306	Luas

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa dari segi min dan sisihan piawai menunjukkan bahawa keempat-empat aspek perapatan guru menunjukkan perapatan yang wujud adalah dalam kategori hubungan yang luas iaitu dalam lingkungan min 2.51 hingga 4.00. Analisis berdasarkan kepada item yang mencatatkan nilai min tertinggi menunjukkan bahawa dalam setiap aspek perapatan, terdapat sekurang-kurangnya satu item yang menunjukkan nilai min yang tinggi.

**Jadual 3** Bentuk perapatan guru berdasarkan kepada item soal selidik

Item	f	Peratus	Min	SD
<b>Guru yang peduli</b>				
Guru ambil berat perasaan murid	52	73.2	2.85	0.905
Memahami perasaan murid	45	63.4	2.66	0.894
Mempertimbangkan perasaan murid dalam setiap tindakan guru	52	73.3	2.85	0.690
Memberi nasihat kepada murid apabila murid melakukan kesalahan.	67	94.4	3.27	0.654
Memarahi murid tanpa ambil kira perasaan murid.	52	73.3	2.89	0.934
<b>Guru yang adil</b>				
Melayan murid sama rata.	49	69.0	2.85	0.856
Melayan murid tanpa diskriminasi.	46	64.8	2.85	0.905
Beri peluang yang sama untuk menjawab soalan.	65	91.5	3.25	0.648
Mengajar tanpa pilih kasih.	62	87.4	3.11	0.728
<b>Guru yang peka</b>				
Ambil kira kebolehan murid ketika mengajar.	55	77.5	2.94	0.630
Beri perhatian kepada murid yang kurang faham ketika belajar.	58	81.7	3.07	0.915
Menarik minat pelajar ketika mengajar.	42	59.1	2.52	0.790
Beri galakan yang positif.	64	90.2	3.14	0.661
<b>Guru yang mesra</b>				
Seorang yang peramah.	56	78.9	2.86	0.816
Sabar ketika mengajar.	53	74.6	2.94	0.754
Seorang yang mesra.	61	85.9	3.06	0.715
Menggunakan bahasa yang baik ketika mengajar.	62	87.3	3.15	0.786

Berdasarkan kepada Jadual 3, dapatan daripada soal selidik menunjukkan bahawa hampir kesemua item menunjukkan nilai min melebihi 2.50. Merujuk kepada pengkategorian bentuk hubungan yang dijalinan oleh guru terhadap murid, min 2.50 hingga 4.00 menunjukkan bahawa guru mengamalkan hubungan luas. Walaupun nilai min kesemua item menunjukkan kecenderungan guru mengamalkan hubungan yang luas, namun demikian terdapat beberapa item yang paling menonjol bagi keempat-empat konstruk soal selidik. Bagi konstruk guru yang peduli, item yang berkaitan dengan guru yang memberikan nasihat apabila murid melakukan kesalahan menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.27 dengan sisihan piawai 0.654. Ini menunjukkan bahawa murid mendapati bahawa guru sentiasa memberikan nasihat apabila murid melakukan kesalahan. Ini seterusnya dapat dikaitkan dengan konstruk guru yang peka di mana item yang mencatatkan nilai min yang tertinggi min=3.14,  $SD=0.661$ ) bagi konstruk tersebut merupakan item yang menyatakan bahawa guru turut memberikan galakan terutamanya berkaitan dengan aktiviti PdP. Manakala bagi konstruk guru yang adil pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang memberikan peluang kepada murid untuk menjawab mencatatkan nilai min yang tinggi berbanding dengan item yang lain dalam konstruk ini iaitu dengan min sebanyak 3.25 dan sisihan piawai sebanyak 0.648. Seterusnya bagi konstruk yang terakhir pula iaitu guru yang mesra pula mendapati bahawa item yang menyatakan bahawa guru menggunakan bahasa yang baik mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.15 dan sisihan piawai sebanyak 0.786.

Daripada dapatan kajian di atas, dapat ditafsirkan bahawa guru ada menunjukkan ciri-ciri hubungan yang luas dijalinan terhadap murid dan terdapat beberapa ciri yang menonjol. Ini dapat dilihat dalam keempat-empat konstruk soal selidik.

### Hubungan antara Perapatan Guru dengan Murid terhadap Tingkah Laku Moral Murid

Bagi melihat hubungan antara perapatan guru dengan murid terhadap tingkah laku moral, soal selidik yang melibatkan perapatan guru dengan murid dan murid dengan guru dilihat berdasarkan kepada persepsi murid terhadap tingkah laku guru dan juga tingkah laku murid terhadap orang lain terutamanya setelah melihat guru bertingkah laku tertentu terhadap murid. Sebanyak empat pemboleh ubah telah diuji bagi melihat sama ada terdapat hubungan di antara keempat-empat pemboleh ubah tersebut terhadap tingkah laku moral murid.

**Jadual 4** Korelasi antara perapatan guru dengan murid

Aspek	$r_s$	$P$
Guru yang peduli	-.01	.457
Guru yang adil	.207	.079
Guru yang peka	.428**	.000
Guru yang mesra	.515**	.000

\*\* korelasi adalah signifikan pada 0.01 (2-tailed)

Berdasarkan kepada Jadual 4 di atas, analisis korelasi spearman mendapati bahawa terdapat dua aspek yang tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dan dua aspek menunjukkan hubungan yang signifikan. Bagi aspek guru yang peduli, analisis mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap sikap dan tindakan murid terhadap guru ( $p=.457$ ,  $p>.05$ ). Perhubungan negatif yang ditunjukkan pula adalah sangat lemah ( $r= -.01$ ) dan ini bermakna sikap dan tindakan guru yang peduli tidak mempunyai kaitan dengan sikap dan tindakan murid terhadap guru dalam kelas Pendidikan Moral.

Bagi aspek guru yang adil pula, analisis data mendapati aspek ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara guru yang adil dengan tingkah laku moral murid dalam kelas Pendidikan Moral ( $p=.079$ ,  $p>.05$ ). Manakala dari segi kekuatan perhubungan pula adalah sangat lemah ( $r=.207$ ) dan ini bermakna sikap dan tindakan guru yang adil tidak mempunyai kesan terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah.

Seterusnya pula adalah berkaitan dengan aspek ketiga iaitu sikap dan tindakan guru yang peka terhadap keperluan murid. Daripada analisis, dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan tindakan guru yang peka akan keperluan murid terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah ( $p=.000$ ,  $p<.01$ ). Kekuatan nilai korelasi menunjukkan kekuatan yang lemah ( $r=.428$ ) antara sikap dan tindakan guru yang peka akan keperluan murid terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah. Dapat disimpulkan di sini bahawa populasi murid tingkatan lima kelas Pendidikan Moral melihat sikap dan tindakan guru yang peka akan keperluan murid mempunyai hubungan kait dengan tingkah laku moral murid dalam bilik darjah.

Bagi analisis dapatan aspek keempat iaitu sikap dan tindakan guru yang mesra mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tersebut terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah ( $p=.000$ ,  $p<.01$ ). Dari segi kekuatan pula, pekali korelasi menunjukkan kekuatan perhubungan yang sederhana ( $r=.515$ ) antara kedua pemboleh ubah tersebut. Ini bermakna sikap dan tindakan guru yang mesra memberikan kesan yang sederhana terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah Pendidikan Moral.

Dapatan daripada keempat-empat aspek ini memberikan implikasi bahawa guru yang menunjukkan perapatan antara guru dengan murid memberikan kesan terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah Pendidikan Moral. Namun demikian tidak semua aspek dalam pemboleh ubah perapatan guru dengan murid mempunyai hubungan yang signifikan dan mempunyai darjah kekuatan yang kuat. Walaupun dapatan daripada analisis korelasi spearman dan pekali korelasi menunjukkan terdapat aspek-aspek yang mempunyai hubungan yang signifikan dan tidak serta mempunyai kekuatan yang sangat lemah dan sederhana, namun diakui bahawa guru sememangnya mempunyai hubungan luas dengan murid.

### Hubungan Aspek Sikap dan Tindakan Guru terhadap Tingkah Laku Moral Murid

Aspek dalam perapatan guru dengan murid dalam kajian ini diukur melalui sikap dan tindakan guru. Dalam keempat-empat sikap dan tindakan guru terhadap murid, didapati tidak semua aspek menunjukkan hubungan yang signifikan. Namun demikian, dalam keempat-empat sikap dan tindakan guru terhadap murid, terdapat sekurang-kurangnya satu aspek yang menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid.

**Jadual 5** Korelasi antara perapatan guru dengan murid berdasarkan item

Pemboleh ubah	$r_s$	P
<b>Guru yang peduli</b>		
Guru ambil berat perasaan murid.	.125	.297
Memahami perasaan murid.	-.412**	.000
Mempertimbangkan perasaan murid dalam setiap tindakan guru.	-.128**	.286
Memberi nasihat kepada murid apabila murid melakukan kesalahan.	-.018	.884
Memarahi murid tanpa ambil kira perasaan murid.	.062	.608
<b>Guru yang adil</b>		
Melayan murid sama rata.	-.126	.293
Melayan murid tanpa diskriminasi.	-.052	.668
Beri peluang yang sama untuk menjawab soalan.	.386**	.001
Mengajar tanpa pilih kasih.	.317**	.007
<b>Guru yang peka</b>		
Ambil kira kebolehan murid ketika mengajar.	.375**	.001
Beri perhatian kepada murid yang kurang faham ketika belajar.	.399**	.001
Menarik minat murid ketika mengajar.	.404**	.000
Beri galakan yang positif.	.380**	.001



Jadual 5 (samb.)

<b>Guru yang mesra</b>		
Seorang yang peramah.	.249*	.036
Sabar ketika mengajar.	.156	.195
Seorang yang mesra.	.428**	.000
Menggunakan bahasa yang baik ketika mengajar.	.332**	.005

\*korelasi adalah signifikan pada 0.05 (2-tailed)

\*\* korelasi adalah signifikan pada 0.01 (2-tailed)

Berdasarkan kepada Jadual 5, aspek sikap dan tindakan guru yang adil hanya mendapati bahawa guru yang memahami murid menunjukkan hubungan yang signifikan ( $p=.000$ ,  $p<.001$ ) terhadap tingkah laku moral murid dalam bilik darjah. Bagi aspek guru yang adil pula, dapatan menunjukkan sikap dan tindakan guru yang memberikan peluang yang sama dalam menjawab pertanyaan guru ( $p=.01$ ,  $p<.01$ ) dan mengajar tanpa pilih kasih ( $p=.007$ ,  $p<.01$ ) menunjukkan hubungan yang signifikan berbanding dengan sikap dan tindakan yang lain dalam aspek guru yang adil. Bagi aspek guru yang peka akan keperluan murid, data menunjukkan kesemua sikap dan tindakan guru menunjukkan hubungan yang signifikan iaitu guru mengambil kira tahap kebolehan murid ketika mengajar, memberikan perhatian kepada murid yang kurang memahami isi pelajaran, dan memberikan galakan yang positif masing-masing menunjukkan nilai signifikan sebanyak .001 ( $p<.01$ ). Manakala sikap dan tindakan guru yang dapat menarik minat murid untuk belajar mencatatkan nilai signifikan sebanyak .000 ( $p<.01$ ). Aspek terakhir dalam kajian ini adalah sikap dan tindakan guru yang mesra mendapati sikap dan tindakan guru yang peramah ( $p=.000$ ,  $p<.01$ ) dan menggunakan bahasa yang baik ketika mengajar ( $p=.005$ ,  $p<.01$ ) mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid.

## Perbincangan

Setiap guru mempunyai cara yang tersendiri dalam mengendalikan sesebuah bilik darjah ketika proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung. Namun demikian, tidak semua guru memandang serius akan peranan mereka ketika mula masuk ke dalam bilik darjah sehinggalah tamat proses PdP terutamanya bagi kelas peperiksaan. Kajian yang berkaitan hubungan guru dengan murid kurang menumpukan terhadap tingkah laku moral murid malahan lebih banyak menumpukan terhadap salah laku murid di sekolah seperti dalam kajian oleh Parthiban Sinnapan (2002) dan Stewart (2003). Kedua-dua dapatan kajian ini menunjukkan ciri-ciri yang agak sama iaitu membawa kepada kesan akhir iaitu tindakan atau tingkah laku yang positif atau negatif. Daripada dapatan kajian ini, perapatan yang diukur adalah melalui jenis hubungan yang ditunjukkan oleh guru sama ada berbentuk luas atau sempit. Hubungan yang berbentuk luas atau sempit ini pada dasarnya tidak membawa makna hubungan yang dijalinan adalah berbentuk positif atau negatif seperti dalam kajian Huan, *et. al.* (2012). Hubungan luas atau sempit dalam kajian ini hanya menggambarkan bentuk hubungan antara guru dengan murid dengan melihat kepada beberapa aspek yang menggambarkan hubungan tersebut.

Menurut Sugarman (1973), hubungan antara guru dengan murid boleh wujud dalam dua bentuk iaitu hubungan sempit dan hubungan luas. Kedua-dua bentuk hubungan ini dilihat pula dari empat aspek berdasarkan kepada kajian lepas iaitu guru yang peduli, guru yang adil, guru yang peka akan keperluan murid, dan guru yang mesra. Berdasarkan kepada dapatan kajian, secara keseluruhannya bentuk hubungan yang wujud antara guru dengan murid adalah berbentuk hubungan yang luas dan dalam kajian ini hubungan yang luas dapat dilihat apabila guru mengambil tahu masalah murid, berlaku adil ketika proses PdP berlaku, peka akan keperluan akademik dan bukan akademik murid, serta seorang guru yang mesra dan mudah didekati. Dapatan ini dilihat menyokong teori Sugarman (1973) yang mentafsirkan hubungan luas adalah hubungan apabila guru cuba untuk mengenali murid dengan lebih rapat sebagai individu dengan mengetahui perkara berkaitan minat, latar belakang murid, cita-cita, hubungannya dengan rakan sebaya yang lain serta guru, dan juga pencapaian akademik serta tingkah laku murid ketika berada di sekolah. Bentuk hubungan ini bukan sahaja dapat memberikan kesan terhadap pencapaian

akademik murid, tetapi turut dapat membuatkan murid menunjukkan tingkah laku baik terhadap guru (Huan, *et al.* 2012).

Dapatan daripada korelasi Spearman mendapati dua aspek iaitu guru yang peduli dan adil tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid. Analisis data mendapati bahawa aspek guru yang peduli menunjukkan tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid ketika mengajar dalam kelas. Walau bagaimanapun, analisis korelasi berdasarkan item soal selidik mendapati sikap dan tindakan guru yang memahami murid menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid.

Aspek kepedulian kebiasaannya wujud apabila guru menunjukkan ciri-ciri kepedulian melalui sikap dan tindakan seperti memberikan sokongan dan galakan (Hallinan, 2008). Salah satu elemennya adalah guru yang peduli akan perihai murid. Menurut Hallinan (2008) lagi, guru yang mengambil berat akan murid dapat meningkatkan perapatan murid terhadap sekolah secara umumnya. Ini dapat dilihat apabila murid berasa suka untuk hadir ke sekolah. Huan, *et. al.* (2012) juga menyatakan bahawa guru yang sering memberikan sokongan kepada murid akan membuatkan murid lebih bertingkah laku baik dan seterusnya akan cenderung membuatkan murid lebih berusaha dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa walaupun guru menunjukkan sikap dan tindakan yang peduli terhadap murid, namun tidak semua ditunjukkan ketika PdP berlangsung. Dapatan ini juga menggambarkan bahawa sikap dan tindakan guru terhadap murid bergantung kepada pembawaan dan pembentukan ciri-ciri peribadi guru itu sendiri seperti mana yang dibahaskan oleh Sugarman (1973) dalam teorinya.

Begitu juga dengan aspek guru yang adil ketika proses PdP berjalan, responden menyatakan bahawa guru kurang menunjukkan sikap dan tindakan yang kurang adil terhadap murid. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa murid mendapati bahawa ketika dalam bilik darjah, guru tidak selalu berlaku adil terhadap beberapa perkara terutamanya sekiranya yang (Hallinan, 2008) berkaitan dengan pengenaan denda terhadap salah laku murid. Berdasarkan kepada analisis item pula, sikap dan tindakan guru yang memberi peluang yang sama kepada murid dan mengajar tanpa pilih kasih ada menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid. Stronge (2007) menyatakan bahawa murid melihat guru sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri positif dan negatif sebagai seorang guru yang berkesan. Guru yang adil menurut Stronge (2007) lagi adalah guru yang melayan murid dengan adil dan saksama dalam semua aspek dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah.

Walaupun dapatan daripada aspek guru yang peduli dan guru yang adil secara keseluruhannya bertentangan dengan dapatan kajian lepas seperti yang terdapat dalam kajian Hallinan (2008) dan kajian Huan, *et. al.* (2012), namun terdapat beberapa bentuk sikap dan tindakan guru menyokong dapatan kajian lepas. Sikap dan tindakan guru yang peka terhadap keperluan murid dan guru yang mesra menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid. Dapatan ini jelasnya menyokong dapatan kajian lain seperti kajian oleh Huan, *et al.* (2012) dan Stronge (2007) menyatakan guru yang responsif terhadap situasi dan keperluan murid dan berkomunikasi dengan menggunakan nada suara yang bersesuaian akan meningkatkan tahap kesukaan murid terhadap sekolah. Secara tidak langsung, guru telah memainkan peranannya dalam membantu pihak sekolah dalam menangani masalah tingkah laku dan membantu mengurangkan kadar salah laku disiplin murid di sekolah.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa hubungan yang wujud dalam bilik darjah antara guru dengan murid adalah hubungan luas, walau bagaimanapun, tidak semua aspek yang diukur dalam kajian ini mempunyai hubungan terhadap tingkah laku moral murid. Peranan guru pula dilihat sebagai sangat penting bukan sahaja sebagai pendidik tetapi sebagai agen yang membantu pihak sekolah dalam membentuk akhlak murid yang baik seperti mana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **Kesimpulan**

Aspek-aspek yang terdapat dalam kajian ini tidak menggambarkan bahawa perapatan yang wujud adalah berbentuk negatif tetapi lebih merujuk kepada perapatan yang tidak memenuhi kriteria untuk dikategorikan sebagai hubungan luas. Walau bagaimanapun, perapatan antara guru dengan murid adalah

jelas menunjukkan hubungan luas. Aspek perapatan seperti sikap dan tindakan guru yang peka terhadap keperluan murid dan guru yang mesra menunjukkan perhubungan dengan tingkah laku moral murid. Manakala bagi aspek sikap dan tindakan guru yang peduli dan adil pula menunjukkan sebaliknya.

Walaupun hanya dua aspek secara jelas menunjukkan terdapat hubungan dengan tingkah laku murid, ini tidak bermakna bentuk perapatan yang negatif wujud dalam bilik darjah berkenaan. Perapatan masih lagi wujud iaitu berdasarkan kepada dapatan perapatan yang dilihat melalui hubungan guru dengan murid menunjukkan bahawa guru mengamalkan hubungan luas dan hanya dua aspek sahaja menunjukkan perhubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini sekali gus dapat membantu pihak sekolah terutamanya pihak guru berkaitan dengan peranan sebenarnya guru dalam membentuk tingkah laku moral murid dan bukan hanya berdasarkan kepada pencapaian akademik semata-mata.

## Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah, & Abd Rahman Abd Aziz. (2009). *Mengurus tingkah laku pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Alimuddin Mohd Dom. (2006). Sekolah berkesan: Faktor-faktor keberkesanan sekolah. *Prosiding seminar nasional pengurusan dan kepimpinan pendidikan ke-13: Ke arah memperkasakan pengurusan dan kepimpinan sekolah* (pp. 165-170). Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Baker, J. A., Grant, S., & Morlock, L. (2008). The teacher-student relationship as a developmental context for children with internalizing or externalizing behavior problems. *School Psychology Quarterly*, 23(1), 3.
- Bhasah Abu Bakar, & Akma Abd. Hamid. (2004, Februari 10). Peranan nilai dengan perlakuan pelajar sekolah menengah. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*. Langkawi, Kedah. Retrieved from Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM: <http://repo.uum.edu.my/1897/1/44.pdf>
- Berns, R. M. (2013). *Child, family, school, community socialization and support* (9th ed.). Belmont, California, USA: Wadsworth.
- Britannica Academic Edition. (2013, 11 12). *The doctrine of in loco parentis*. Retrieved from Britannica Academic Edition: [www.britannica.com/EBchecked/topic/585183/teaching/39102/The-doctrine-of-in-loco-parentis](http://www.britannica.com/EBchecked/topic/585183/teaching/39102/The-doctrine-of-in-loco-parentis)
- Burke, J. (2007). Classroom management. In J. Dillon, & M. Maguire, *Becoming a teacher Issues in secondary teaching* (pp. 175-186). Berkshire: Open University Press.
- Charles, C. M. (2008). *Building classroom discipline*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Dillon, J., & Maguire, M. (2007). Developing as a beginning teacher. In J. Dillon, & M. Maguire, *Becoming a Teacher* (pp. 3-11). Berkshire: Open University Press.
- Englehart, J. M. (2009). Teacher-student interaction. In Saha. L. J., & A. G. Dworkin, *International Handbook of Research on Teachers and Teaching* (pp. 711-722). New York: Springer.
- Fan, F. A. (2012, August). Teacher: students' interpersonal relationships and students' academic achievements in social studies. *Teachers and Teaching: Theory and practice*, 18(4), 483-490.
- Hallinan, M. T. (2008, July). Teacher influences on students' attachment to school. *Sociology of Education*, 81(3), 271-283.
- Huan, V. S., Quek, Gwendoline Choon Lang Quek, Yeo, L. S., Ang, R. P., & Wan Har Chong. (2012). How teacher-student relationship influenced student attitude towards teachers and school. *The Asia-Pacific Education Researcher*, 21(1), 151-159.
- Huebner, A. J., & Betts, S. C. (2002, December). Exploring the utility of social control theory for youth development: Issues of attachment, involvement, and gender. *Youth and Society*, 34(2), 123-145.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Sukatan pelajaran Pendidikan Moral semakan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Meacham, M. L., & Wiesen, A. E. (1974). *Changing classroom behavior* (2nd ed.). New York: Intext Avenue South.
- Parthiban Sinnapan. (2002). *Vandalisme, gengsterisme dan salah laku sosial pelajar-pelajar India di sekolah menengah*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pianta, R. C., Hamre, B., & Stuhlman, M. (2003). Relationship between teachers and children. In I. B. Weiner, *Handbook of psychology* (pp. 199-233). New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Ping Liu. (2013). Perceptions of the teacher-student relationship: A study of upper elementary teachers and their students. *International Education*, 42(2), 21-40.
- Rest, J. R. (1986). *Moral development: Advances in research and theory*. New York: Praeger.
- Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan falsafah, teori dan praktis sebuah buku mesra pengguna*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Silver, R. B., Measelle, J. R., Armstrong, J. M., & Essex, M. J. (2005). Trajectories of classroom externalizing behavior: Contributions of child characteristics, family characteristics, and the teacher-child relationship during the school transition. *Journal of School Psychology, 43*(1), 39-60.
- Stewart, E. A. (2003, September). School social bonds, school climate, and school misbehavior: A multilevel analysis. *Justice Quarterly, 20*(3), 575-604.
- Stronge, J. H. (2007). *Qualities of effective teachers*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Sugiyono. (2004). *Metode penelitian bisnis*. Bandung: Alfabeta, CV.
- Tam Yeo Kwai. (2006). *Pendidikan Moral*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.